

Nelayan tuntut janji henti operasi pukat kenka

UM 06/01/2024 M15 30

PARIT BUNTAR: Komuniti Perikanan (myKP) Parit 30, Kuala Kurau di sini menggesa kerajaan tidak lagi membenarkan operasi pukat kenka kerana kaedah tangkapan itu memusnahkan hidupan marin dan merosakkan dasar laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusinya, Saad Samsi berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Disember lalu agar tindakan dapat diambil bagi menghentikan kegiatan itu.

Katanya, setiap bot yang dilesenkan atas nama kenka dua bot mempunyai dua bentuk pukat yang diubah suai iaitu pukat untuk memerangkap udang dan pukat memerangkap ikan.

"Penggunaan pukat ini bertentangan dengan syarat-syarat lesen vesel kerana ia merosakkan dasar laut, habitat dan pembiakan.

"Ia memerangkap hidupan marin yang sedang membesar dan memberi kesan mata pencarian nelayan tradisi atau nelayan pantai.



SAAD Samsi menunjukkan dokumen tentang saranan operasi pukat kenka dua bot dihentikan. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

"Nelayan pukat kenka didapati rakus, sering menceroboh hingga di kawasan tangkapan bot kelas A tanpa mengira waktunya termasuk di luar waktu yang dibenarkan iaitu pada sebelah

malam," katanya.

Kata Saad, penggunaan pukat yang diubah suai sudah dilaporkan kepada Jabatan Perikanan namun pukat pemusnah itu didapati masih terus beroperasi.